

Publication: Berita Harian, p 15

Date: 17 January 2015

Headline: Poly provides students with work skills

Poly beri pelajar kemahiran bekerja



SENTIASA POSITIF: Walaupun daripada madrasah, Cik Anisah dapat menyesuaikan diri apabila memasuki Politeknik Ngee Ann dan kemudian SMU. – Foto TAUFIK A. KADER

CIK Anisah Abdul Khalid mengalami sedikit kejutan budaya apabila beliau memasuki Politeknik Ngee Ann dulu.

Ini kerana daripada darjah satu hingga menengah empat beliau belajar di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah.

Namun, Cik Anisah menjadikan fikiran positif pedoman hidupnya hingga dapat mengatasi masalah itu dan lulus cemerlang hingga berjaya memasuki universiti.

“Fikiran positif yang menentukan cara kita bertindak dalam apa pun situasi. Ia membantu saya di politeknik. Lama-kelamaan saya dapat menyesuaikan diri dan pengalaman saya di politeknik sungguh seronok,” ujar Cik Anisah, 23 tahun.

Beliau kini mahasiswa tahun terakhir di Sekolah Perniagaan Lee Kong Chian, Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Cik Anisah, pelajar paling cemerlang kohortnya di Madrasah Al-Maarif, memi-

lih kursus diploma perbankan dan kewangan di politeknik kerana ingin mengikuti jejak ibunya, seorang penasihat kewangan, dan juga kerana minatnya pada matematik.

Mengenai pengajian di politeknik, beliau berkata: “Ia lebih khusus dalam menyediakan pelajar kemahiran bekerja. Ia mengasah keupayaan pelajar membuat penyampaian dan mempertingkatkan kemahiran komunikasi mereka.

“Disebabkan itu, saya mendapat perlilahan dari politeknik ke SMU senang kerana saya telah terlatih untuk menyuarakan pendapat dan membuat penyampaian dalam masa yang singkat.”

Namun, beliau juga aktif dalam kegiatan kokurikulum di Ngee Ann, dengan menyertai Persatuan Pelajar Islam Politeknik Ngee Ann dan bertanding dalam kejohanan silat kebangsaan.

Bidang pengkhususan Cik Anisah di SMU ialah pengurusan strategik dan komunikasi korporat.

Beliau pernah menyandang jawatan presiden Persatuan Perbankan dan Kewangan Islam di universiti itu.

Tahun lalu, beliau ke Kazakhstan selama lima bulan bagi program pertukaran pelajar dan Abu Dhabi selama dua bulan untuk program kerja sambil belajar.

Di Kazakhstan, Cik Anisah mengambil peluang belajar bahasa Russia manakala di Abu Dhabi beliau mengasah bahasa Hindi, yang dipelajarinya melalui filem-filem Bollywood, memandangkan kebanyakannya rakan sekerjanya dari India.

“Ada pelbagai kegiatan dan peluang di apa pun sekolah yang boleh kita manfaatkan. Yang penting ialah membahagikan masa dengan baik dan tekal mengulang kaji pelajaran,” ujarnya.